

Dr. M mengumumkan:

Harga gula akan turun

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan harga gula akan diturunkan ke paras yang lebih rendah dari \$1.05 sen sekati sekarang, tidak lama lagi.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kementerianya kini sedang mengkaji secara perinci mengenai penurunan harga gula sejajar dengan harga pasaran antarabangsa.

Katanya, pegawai-pegawai kementerianya kini sedang mengalisa stok-stok lama yang disimpan oleh pekilang dan penapis gula tempatan.

Harga gula mentah di pasaran antarabangsa jatuh dengan hebat sejak bulan lalu berbanding dengan Oktober tahun lalu.

Berikutan dengan kenaikan dalam bulan Oktober lalu, Kerajaan telah menaikkan harga gula dari 75 sen sekati kepada \$1.05 sen pada akhir bulan Januari.

Harga gula mentah di pasaran antarabangsa ketika itu ialah \$2,110 setan berbanding \$873 setan sekarang.

Memandangkan harga gula di pasaran dunia sekarang turun beberapa peruncit menjual lebih murah iaitu \$1 sekati.

Laporan

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian selepas merasmikan sidang *Peluang Perniagaan di Malaysia 1981-1985* di sini.

Bellau berkata, "Saya akan mengumumkan perkara tersebut sebaik sahaja mendapat laporan yang lengkap dari pegawai-pegawai kementerian berkenaan."

Berucap merasmikan persidangan itu bellau menegaskan Kerajaan akan memastikan dasar dan rancangan yang menguntungkan para pelabur swasta dengan berpatutan.

Katanya, peranan

yang besar oleh sektor swasta ialah dengan menambah pelaburannya yang mana ia boleh membantu dan menolong pencapaian matlamat kebangsaan.

"Sektor Awam pula akan memainkan peranan lebih penting lagi dengan melaksanakan dasar, mempengaruhi arus pembangunan di samping meningkat pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

"Cita-cita ini termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat yang antara tujuannya meninggikan pengeluaran golongan pendapatan rendah, memperbanyakkan kemudahan infrastruktur bagi mendokong perkembangan pelaburan dan pembangunan kawasan," ujarnya.

Bellau berkata peranan sektor swasta dalam RME adalah mencabar dan "memandangkan ekonomi antarabangsa yang terus lembab dengan keadaan inflasi berterusan dan perkembangan yang rendah akan menjadi perkembangan ekonomi terus tegang," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan namun demikian Malaysia tetap mencapai perkembangan ekonomi yang memuaskan dan ini "jelas didapati dari peningkatan pengeluaran pengilangan dari 13.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 20.6 peratus tahun 1980."

Katanya, perkembangan dari sektor bukan pertanian juga meningkat dan begitu juga sektor pertanian yang menunjukkan trend yang memuaskan perkembangannya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan memandangkan perkembangan yang berlaku dalam sektor perekonomian negara adalah perlu sektor swasta menumpukan perhatian dalam bidang memberi latihan kepada pekerja-pekerja tertentu.

Katanya, meskipun sektor awam akan menumpukan perhatian kepada melatih tenaga buruh mahir namun, sektor swasta juga perlu menumpukan kepada bidang latihan.

"Ini merupakan pelaburan yang perlu dibuat oleh sektor swasta dalam jangka masa panjang adalah menguntungkan," katanya.

Bellau menarik perhatian sektor swasta supaya mengambil peluang dari perkembangan ekonomi negara ini sekarang yang mana terdapat banyak pengeluaran bahan mentah seperti bijih timah, getah, koko dan petrolleum.